

**'adat
raja - raja
melayu**

Wang Junqun

'adat raja-raja melayu

'ADAT RAJA-RAJA MELAYU

oleh

TARDJAN HADIDJAJA



1964

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA
Kuala Lumpur

Penerbitan Pustaka Antara
531, Jalan Tuanku Abdul Rahman
Kuala Lumpur

© PUSTAKA ANTARA

Chetakan pertama 1952
Firma Penerbitan Saptadarma
Jakarta
Chetakan pertama di-Malaya 1964
Penerbitan Pustaka Antara
Kuala Lumpur

Harga \$2.00

Di-chetak oleh
Malaysia Publishing House Limited
Singapura

KANDONGAN-NYA

	Muka
1. Pendahuluan penerbit	vii
2. Kata pengantar	ix

I. 'ADAT RAJA-RAJA MELAYU

1. Pendahuluan	1
2. Upachara ketika hamil	3
3. Upachara bersalin	7
4. Upachara berchukor	11
5. Peri raja mengahwinkan anak baginda ..	14
6. Persiapan akan menghantar sireh	20
7. Perarakan menghantar sireh	27
8. Upachara perkahwinan	30
9. Upachara pada mengerjakan mayat baginda ..	51

II. ASAL USUL NAMA GELARAN

1. Syarat menjadi raja	59
2. Si-Miskin	62
3. Peratoran kebangsaan	71
4. Peratoran keturunan	72
5. Fasal gelaran menteri	73
6. Asal mula-nya nama Melayu	76
7. Fasal bunga-bunga	78
8. Fasal larangan	79

III. FASAL TAMBAHAN

1. Undang ² negeri Melaka	81
2. Kata 'adat:				
A. Penghulu	87
B. Pagar negeri	89
C. Perhiasan negeri	89
D. Kebesaran negeri	89
3. Pantun 'adat	90
4. Pantun Negeri Sembilan	91

IV. CHERITERA YANG KESABELAS

1. Peri hal larangan 'adat	92
2. Keterangan	105

PENDAHULUAN PENERBIT

Tanggung jawab kita sa-bagai angkatan sekarang ini, yang mendapat penghormatan terbesar dari sejarah kerana kita hidup dan berada dalam peralehan sejarah tanah ayer kita, dari negara jajahan beraleh kapada negara merdeka kembali, dari negara yang di-lumpuhkan bertukar kedudukan menjadi negara membangun dan menchipta, amat-lah besar.

Dalam bidang apa pun pembangunan yang kita lakukan, yang kita renchanakan, yang kita harapkan, yang kita chita²-kan, sa-bagai angkatan yang hidup sekarang ini di-negeri ini dan di-masa ini, dia tidak terlepas dari hakikat ke-aulatan negara dan demi kekuatan serta kebesaran-nya di-masa depan. Dan dengan itu pula, maka dengan diam² di-antara sa-tiap kita angkatan sekarang ini mengingini panduan yang tepat. Panduan yang tepat bagi kita, baik pembangunan zahir mahu pun pembangunan batin, ia-lah kembali kapada keperibadian kita sa-bagai suatu bangsa yang telah pernah memegang tamaddun.

Berdasarkan dari pengertian ini-lah maka kami berusaha menerbitkan buku 'Adat Raja² Melayu ini dengan bentok-nya yang ada sekarang. Kami sadari bahawa tidak semua 'adat-isti'adat yang tersebut dalam buku ini sesuai kita gunakan sekarang dan masa datang, tetapi kepentingan-nya bukan di-sana sa-mata² letak-nya. Kepentingan-nya ia-lah mengetahui negara kita, mengetahui sejarah dan kandungan sejarah-nya, mengkaji-nya kembali dengan teliti, untuk melihat di-mana kekuatan-nya dan di-mana kelemahan-nya, di-samping memperlihatkan kapada dunia bahawa ini-lah kami, negara yang sudah merdeka kembali untuk bersama² meng-abdi kapada peradaban sa-jagat.

. Penerbitan kembali yang kami lakukan ini, kami dahului dengan penyusunan dan melengkapinya. Dari naskhah asal-nya kami tidak kurangi, dan dalam penerbitan kali ini kami lengkapi pula dengan mengutip sa-chara bebas

Bahagian Yang Kesabelas dari Sejarah Melayu supaya pembacha mendapat bahan yang lebeh terang. Demikian juga kami adakan keterangan bernomor bagi kata² yang terdapat dalam buku ini tetapi dalam pemakaian-nya sa-hari² sudah hilang.

Usaha kami memberikan penerangan bernomor ini sa-dapat²-nya di-buat demikian rupa bagi kemudahan pembacha². Sa-panjang kandungan buku ini, di-dapati 206 keterangan bernomor, yang erti dan penjelasan-nya di-muat di-bahagian belakang buku ini. Tetapi perkataan yang sudah ada keterangan-nya, kalau di-jumpai kembali dalam pembachaan dalam buku ini, tidak di-ulang penerangan-nya, kerana ini dapat di-chari oleh pembacha dalam keterangan menurut yang terdahulu. Penemuan kembali perkataan² serupa itu mudah di-kenali, kerana kami gunakan huruf jarak jarang. Demikian juga nama² gelaran kami tidak adakan keterangan, sebab keterangan-nya sendiri sudah lengkap dalam bahagian² yang membicharakan pangkat² dan gelaran itu. Yang kami utamakan benar² dalam usaha memberikan penerangan ini ia-lah nama alat² dalam isti-²adat itu, kerana ini sangat perlu bagi pelajaran 'adat-isti'adat atau pengkajian sa-mula 'ada-isti'adat Melayu.

Pada keselurohan-nya, buku ini membicharakan 'adat raja² Melayu di-zaman kerajaan Melaka dahulu. Memang ini amat perlu di-ketahui. Dan di-sebabkan kerana ini juga sa-bahagian besar-nya, maka buku ini di-gunakan di-Universiti Gadjah Mada Fakultas Sastera di-Indonesia.

Untuk mendapatkan penjelasan² yang lebeh lengkap tentang kandungan buku ini dan sejarah naskhah asal-nya sendiri, ada di-terangkan dalam kata pengantar penyusun-nya dan demikian juga dalam kata pendahuluan yang di-buat oleh Farquhar pada tahun 1232 Hijrah.

PUSTAKA ANTARA

Kuala Lumpur

Mei 1963